

Press Clipping



Noel Gulliver pengarah urusan PKFZ

ZON Bebas pelabuhan Klang (PKFZ), zon industri dan komersial bersepadu sepenuhnya pertama di Malaysia mengumumkan pelantikan Noel Gulliver (gambar), 54, sebagai pengarah urusannya yang baru.

Dengan 30 tahun pengalaman dalam bidang perdagangan logistik, Gulliver sudah berkhidmat dalam pengurusan serantau bagi syarikat multinational seperti CF/Emery Worldwide, Maersk Logistics, Roadway, Schenker dan Jardine Logistics.

Gulliver mempunyai pengalaman 13 tahun sebagai peneraju pembangunan projek dan perdagangan baru di seluruh Asia meliputi perniagaan logistik sama ada laut, udara, logistik bersepadu serta pengurusan.